

16 DEC 1998

Rencana-Getah

"BANDARAYA GETAH" LAMBANG KEMAJUAN INDUSTRI GETAH NEGARA

Oleh: A.Halim Taib

KUALA LUMPUR: Sebuah bandaraya unik akan muncul tidak lama lagi bagi menjadi pemangkin kepada pembangunan industri dan teknologi getah serta menghargai sumbangan sumber asli itu kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Walaupun tidak sehebat kawasan Koridor Raya Multi-media (MSC), bandaraya baru yang bakal dikenali sebagai "Bandaraya Getah" itu tetap akan menjadi suatu kawasan yang dikagumi dengan memainkan peranan serta mewujudkan suatu senario terkini dalam perkembangan industri getah negara.

Pada satu majlis di sini pada Ogos 1996, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pernah mengumumkan bahawa pembangunan bandaraya yang terletak di satu kawasan seluas kira-kira 400 hektar di Sungai Buluh, Selangor itu menelan belanja antara RM3 billion dan dan RM4 billion serta dilengkapi pelbagai kemudahan hidup moden sejajar dengan perkembangan teknologi semasa.

Kerja-kerja pembangunannya akan dijalankan secara penswastan dan di antara kemudahan yang bakal disediakan di situ ialah makmal termoden bagi penyelidikan dan pembangunan getah di peringkat antarabangsa.

Komponen lain bandaraya itu ialah stesen Percubaan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa, Pusat Teknologi Getah, Taman Industri Getah seluas 120 hektar, rumah kediaman dan premis perniagaan.

Di samping itu ibu pejabat Lembaga Getah Malaysia (LGM) di Jalan Ampang juga akan dipindahkan ke bandaraya itu.

Menurut Ketua Pengarah LGM Datuk Dr Abdul Aziz S.A Kadir bandaraya yang bercirikan kehidupan moden dalam suasana ladang getah itu akan menjadi kenyataan dalam tempoh setahun dua ini.

Katanya, premis kediaman dan perniagaan serta pelbagai pusat penyelidikan getah itu akan dikelilingi oleh deretan pohon-pohon getah yang ditanam secara terancang.

Katanya, pembangunannya kini dalam kajian Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri, dan hasilnya akan dapat diketahui dalam tempoh terdekat.

Perlaksanaan lebih awal projek itu terganggu disebabkan keadaan kegawatan ekonomi sejak Julai tahun lepas.

"Bagaimanapun, dengan adanya tanda-tanda ekonomi sedang pulih, dan perkembangan pesat industri getah sekarang, bandaraya yang mengadunkan ciri-ciri kehidupan moden dan tradisional itu pasti akan menjadi kenyataan," katanya.

Menurut Dr Abdul Aziz, "Bandaraya Getah" itu merupakan satu-satunya bandaraya seumpamanya di dunia.

"Kehadirannya secara simbolik melambangkan peranan besar industri getah dalam menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi sejak negara mencapai kemerdekaan hingga sekarang.

"Ia juga akan mengembalikan nostalgia bahawa Malaysia pada suatu ketika dahulu pernah menjadi negara pengeluar getah terulung di dunia, walaupun kini berada di tempat ketiga selepas Thailand dan Indonesia," ujar beliau.

Beliau berharap dengan wujudnya "Bandaraya Getah" itu, orang ramai akan dapat menginsafi hakikat bahawa negara masih perlu bergantung kepada hasil getah, tetapi mestilah menerusi penggunaan teknologi penghasilan dan pendekatan pengurusan yang lebih sofistikated, tanpa hanya bergantung kepada industri pengeluaran sarung tangan yang sudah ketinggalan zaman.

Keinsafan itu perlu kerana kebanyakan pemilik kebun dan penoreh getah

kini beranggapan bahawa getah asli tidak penting lagi dan mereka hanya menoreh bila tidak ada pilihan lain, katanya.

Dr Abdul Aziz berkata pembangunan Bandaraya Getah juga selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan pakar-pakar perunding, jurutera dan arkitek dalam bidang teknologi getah mendapatkan pendedahan yang mencukupi untuk mencipta sesuatu barangan daripada getah yang mengkagumkan dengan menggunakan jenama sendiri.

Perdana Menteri ketika merasmikan Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa di Sungai Buluh tahun lepas berkata, sudah tiba masanya negara mencipta nama dalam mengeluarkan barangan getah asli dengan jenama barangan sendiri, memandangkan negara kini banyak mengeksport getah, tetapi akhirnya mengimport balik barangan daripada getah, bernilai kira-kira RM600 juta setahun.

Menurutnya, walaupun sektor pengeluaran getah tidak menjadi komponen utama ekonomi negara, ia masih berperanan dalam menyumbang kepada pendapatan eksport Malaysia.

Dr Abdul Aziz berkata getah asli boleh digunakan untuk hampir 10,000 jenis barangan, tetapi hanya sebahagian kecil dikeluarkan di negara ini dengan jenama sendiri.

Menurutnya, sumbangan Malaysia dalam industri getah antarabangsa sering mendapat pengiktirafan dunia. Misalnya, RRIM baru-baru ini memenangi hadiah "Nikkei Asia" di Tokyo, Jepun bagi kategori inovasi teknologi dalam bidang penyelidikan getah yang memberi manfaatnya bukan sahaja kepada negara malah masyarakat antarabangsa.

Ketua Unit Perhubungan Awam, Penerbitan dan Perpustakaan LGM Dr Othman Hashim pula berkata, kewujudan "Bandaraya Getah" memang wajar kerana ia pasti dapat memulihkan semula minat dan keyakinan orang ramai terhadap tanaman itu, yang mula diperkenalkan di negara ini menerusi biji benih daripada Brazil kira-kira 150 tahun yang lalu.

"Selain daripada menjadi pusat kajian getah antarabangsa, ia sekurang-kurangnya membolehkan anak-anak yang lahir di kota mengenali bagaimana bentuk pokok getah dan tidak hanya mengenalinya melalui gambar atau TV," katanya.

Beliau berkata, di sebalik kemerosotan pengeluaran, statistik menunjukkan penggunaan getah di negara ini kian meningkat. Contohnya, pada 1997 sebanyak 360,188 tan metrik digunakan oleh industri domestik, berbanding dengan 307,750 tan metrik pada 1995, dan lateks merupakan bahan terkemuka iaitu kira-kira 85 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Katanya, pada 1997 nilai eksport getah mentah negara ialah RM3.02 bilion, barangan getah RM4.65 bilion dan kayu getah RM1.71 bilion. Jumlah itu merupakan 6.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Dr Othman berkata, walaupun hasil eksport getah menggalakkan, namun harga getah terus merosot. Harganya pada 1997 ialah RM2.78 sekilogram, manakala harga terkini RM2.60 sekilogram.

Katanya Malaysia mempunyai 1.6 juta hektar getah yang mana 1.4 juta hektar atau 85 peratus adalah kawasan pekebun kecil dan bakinya estet.

Beliau berkata; "Selagi harga getah di takok lama, agak sukar bagi penoreh terutama pekebun kecil meneruskan kerja menoreh yang diwarisi sejak zaman-berzaman, walaupun dengan menggunakan teknologi moden."

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) Datuk Ahmad Arshad kagum dengan penubuhan "Bandaraya Getah" kerana komponen-komponen penting yang terdapat di dalamnya seperti pusat penyelidikan dan pembangunan getah serta Pusat Pameran Getah Antarabangsa sudah pasti dapat dimanfaatkan pekebun-pekebun getah di negara ini.

Beliau berkata ia juga melambangkan kemajuan teknologi getah yang dapat mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. -- Bernama

HT AM